

REKONSTRUKSI DALAMAN VARIAN LENGGONG: KE ARAH PEMBENTUKAN DIGITAL PROFIL DIALEK MELAYU

RAHIM AMAN

Universiti Kebangsaan Malaysia
tuntas@ukm.edu.my

*SHAHIDI A.H.**

Universiti Kebangsaan Malaysia
zedic@ukm.edu.my

MUHAMMAD MUHAIMIN MOHD

Universiti Kebangsaan Malaysia
mmuhaiminmohamad@gmail.com

NURUL ATHIRAH JAFFAR

Universiti Kebangsaan Malaysia
nurulathirahjaffar@yahoo.com

YANG LI

Universiti Kebangsaan Malaysia
13208858107@163.com

** Pengarang Perantara*

ABSTRAK

Kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan merekonstruksi vokal dan konsonan yang hadir dalam varian Lenggong Purba (VLP) di Hulu Perak. Kajian yang dijalankan untuk merekonstruksi dialek purba ini menggunakan kaedah perbandingan kualitatif. Kaedah rekonstruksi dalaman dijalankan dalam proses merekonstruksi vokal dan konsonan VLP. Lokasi kajian ini dijalankan adalah di Lenggong, Perak melibatkan empat buah kampung yang mewakili varian yang berbeza iaitu, Kampung Bukit Sapi (KBS), Kampung Telemong (KT), Kampung Luat (KL) dan Kampung Batu Ring (KBR). Hasil kajian ini menunjukkan terdapat VLP mempunyai sistem 9 vokal purba iaitu, *i, *u, *e, *ə, *o, *ɛ, *ɔ, *a dan *ɑ. Selain itu, dapatan juga menunjukkan terdapat 19 konsonan dalam VLP termasuk glotal iaitu *b, *d, *g, *p, *t, *k, *ʔ, *m, *n, *ŋ, *ɲ, *y, *s, *h, *dʒ, *tʃ, *l, *w, dan *j. Implikasi daripada kajian ini diharap dapat memberi sumbangan dalam pembinaan semula bahasa Melayu Purba.

Kata kunci: Lenggong; perbandingan kualitatif; rekonstruksi dalaman; vokal dan konsonan; varian

INTERNAL RECONSTRUCTION OF LENGGONG VARIANTS: TOWARDS THE DIGITAL PROFILING OF THE MALAY DIALECT

ABSTRACT

This study aims to reconstruct the vowels and consonants present in the Lenggong Purba (VLP) variant in Hulu Perak. The study conducted to reconstruct this ancient dialect used a qualitative

comparison method. The internal reconstruction method is carried out in the process of reconstructing the vowels and consonants of the VLP. The location of this study is in Lenggong, Perak involving four villages that represent different variants, namely, Kampung Bukit Sapi (KBS), Kampung Telemong (KT), Kampung Luat (KL) and Kampung Batu Ring (KBR). The results of this study show that VLP has 9 ancient vowel systems, namely, *i, *u, *e, *ə, *o, *ɛ, *ɔ, *a and *ɑ. In addition, the findings also show that there are 19 consonants in VLP including glottal namely *b, *d, *g, *p, *t, *k, *ʔ, *m, *n, *ŋ, *ɲ, *ʎ, *s, *h, *, *ʃ, *l, *w, and *j. The implications of this study are expected to contribute in the reconstruction of the Ancient Malay language.

Keywords: Lenggong; qualitative comparison; internal reconstruction; vokal and consonant; variant

PENGENALAN

Malaysia sememangnya sudah begitu terkenal dengan kepelbagaian budaya, bahasa dan masyarakat majmuk. Keunikannya juga bukan sahaja terletak dinegara tetapi disetiap negeri yang dinaunginya. Salah satu negeri yang sering didiami selain daripada Sabah dan Sarawak juga ialah negeri Perak dengan pelbagai etnik, budaya dan juga turut terkenal dengan kepelbagaian dialek mahupun varian. Ayatrohardi (1979) turut mendefinisikan dialek merupakan sistem bahasa yang digunakan oleh satu-satu masyarakat untuk membezakan daripada masyarakat lain yang berjiran iaitu menggunakan sistem berlainan walaupun hubungan yang begitu erat. Melalui hujahan Ayatrohardi, Mario A. Peri (1960) juga turut mentakrifkan dialek adalah variasi daripada sesuatu bahasa tertentu yang turut dituturkan oleh sekumpulan penutur masyarakat dalam satu-satu bahasa. Malah, dialek juga mempunyai bentuk pertuturan yang tertentu di kawasan tertentu dari segi tatabahasa, sebutan dan menggunakan perkataan tertentu.

Kajian yang dilakukan ini menumpukan kepada varian Lenggong Perak. Negeri perak merupakan negeri keempat yang terbesar di Malaysia selepas Negeri Pahang, Sabah dan Sarawak. Negeri Perak juga dikenali sebagai Perak Darul Ridzuan yang diketuai oleh seorang pemerintah utama iaitu sultan Perak. Dalam kajian ini hanya menfokuskan kepada daerah kecil Lenggong, Perak. Lenggong merupakan sebuah bandar kecil di bahagian utama Perak yang terletak 100 kilometer dari utara Ipoh. Bandar Lenggong juga berhampiran dengan Grik, Empangan Temenggor, Banding, Lawin, Kota Tampan dan lain-lain. Jalan ke Lenggong kebanyakannya di seliputi oleh ladang sawit dan hutan rimba. Malah, di kawasan Lenggong juga turut terkenal dengan tapak arkeologikal yang wujud bukti-bukti penempatan manusia sejak zaman Paleolitik telah ditemui. Penemuan arkeologikal paling terkenal di Lenggong adalah Orang Perak (Perak Man), rangka peninggalan berusia 11 000 tahun yang ditemui pada tahun 1990.

Seterusnya, antara lokasi penyelidikan iaitu Kampung Luat (KL), Kampung Bukit Sapi (KBS), Kampung Temelong (KT) dan Kampung Batu Reng (KBR) di Lenggong Perak. Sejarah Kampung Luat berasal daripada rombongan kesultanan Melayu Patani yang berhijrah selepas menyerahkan takhta kepada menantunya. Sekumpulan rombongan ini telah berhijrah dan membuka penempatannya di Grik. Lalu mereka telah berakit dan mudik ke hilir sungai sehinggalah bertemu dengan kawasan Kampung Luat ini (sumber.kampungluat.blogspot.com). Selain itu, Kampung Temelong pula merupakan sebuah kampung yang sangat penting pada zaman dahulu, ianya adalah sebuah pengkalan utama bagi pembesar-pembesar negeri untuk urusan rasmi antara Mukim Kenerang, Merah, Kuala Kangsar dan Grik melalui sungai Perak. Kampung ini juga terletak dimukim Lenggong dalam daerah Hulu Perak (sumber.kampungluat.blogspot.com).

jkkkkgtemelong.blogspot.com). Pada satu setengah abad yang lalu telah wujud Kampung Batu Reng yang terasing di seberang sungai Perak di daerah kecil Lenggong Perak. Penduduknya terdiri dari keturunan orang Melayu dari empat wilayah di selatan Thailand dan Pahlawan Melayu dari Negeri Pahang. Dari segi pertuturannya pula mereka bertutur menggunakan dialek orang Melayu Pahang terutamanya kawasan Raub (sumber mokhtarpetah.blogspot.com). Kampung yang terakhir ialah Kampung Bukit Sapi yang merupakan kawasan longgokan debu larva gunung berapi Toba yang meletus sekitar 75 000 tahun lalu. Debu ini direkodkan di lembah sungai Perak dan taburannya di Lembah Lenggong setebal tujuh hingga 10 meter.

PERMASALAHAN KAJIAN

Di Malaysia dalam kajian linguistik Melayu bukan lagi perkara asing yang mengkaji tentang varian mahupun dialek Melayu dinegeri Perak. Terdapat ramai pengkaji dari pelbagai cabang linguistik mahupun ahli bahasa telah melihat, meneliti dan menghasilkan banyak kajian mengenai dialek ini. Rata-ratanya mengkaji tentang dialek ini dengan menggunakan kaedah pendekatan kualitatif deskriptif. Dalam tempoh masa satu dekad, penyelidik tempatan mula mengubah cara dan sudut pandangan mereka masing-masing dengan menggunakan pendekatan dalam menganalisis data fonetik dengan lebih mudah dan sistematik. Antara beberapa pengkaji seperti Siti Noraini Hamzah et al., (2014), Harishan Radzi et. al, (2015), dan Nor Hashimah Jalaluddin (2018) telah menggunakan kaedah analisis berkomputer yang sistematik iaitu *Geographic Information System (GIS)*.

Menurut Asmah Haji Omar (1993) menyatakan bahawa kawasan dialek Perak sering digunakan oleh pengkaji luar iaitu Parit dan Kuala Kangsar yang mewakili kawasan dan sering menjadi kawasan tumpuan ramai. Namun begitu, kajian ini akan memperlihatkan bagaimana untuk merekonstruksikan dan klasifikasi varian Lenggong (VL) terhadap kampung-kampung yang menjadi tumpuan daerah kajian (lihat juga kajian Tarmizi, 2022, Shahidi et al., 2021 & Norhaniza et al., 2021) Justeru, bagi aspek rekonstruksi ke atas VL akan disoroti dengan pendekatan ilmu linguistik yang akan dimanfaatkan sepenuhnya dalam usaha merekonstruksikan bentuk purba bahasa manusia. Manakala, kesemua maklumat ini dapat di intergrasikan sehingga menghasilkan dapatan kajian mahupun data dan perbincangan yang lebih menarik untuk difahami. Oleh itu, dalam kajian ini akan membincangkan tentang perkara yang berhubung kait dengan aspek rekonstruksi fonem vokal dan konsonan dalam VL. Berdasarkan sebuah daftar kata yang mengandungi sebanyak 200 kosa kata di empat buah kampung iaitu KBS, KT, KL, dan KBR yang telah dikunjungi untuk menjadi sampel data dan menjadi dasar perbandingan untuk merekonstruksikan fonem dalam purba VL. Empat-empat buah kampung ini dipilih menjadi kawasan kajian adalah disebabkan perbezaan ciri fonetiknya yang begitu menonjol berbanding dengan kampung-kampung yang lain di kawasan Lenggong Perak.

KAJIAN LITERATUR

Kajian ataupun penyelidikan yang memfokuskan dialek telah terbukti banyak dijalankan oleh pengkaji-pengkaji. Kajian-kajian lampau terhadap dialek telah memberi inspirasi kepada pengkaji untuk menghasilkan kajian baharu tentang salah satu dialek di Malaysia. Kajian-kajian yang melibatkan dialek negeri Perak juga telah banyak dijalankan oleh para pengkaji. Siti Noraini Hamzah dan Nor Hashimah Jalaluddin (2018), telah menjalankan kajian yang bertajuk yang memfokuskan kepelbagaian varian leksikal dialek di Perak. Kajian ini telah memanfaatkan kecanggihan teknologi yang ada pada hari ini dengan menggunakan perisian Sistem Maklumat Geografi (GIS). Kecanggihan perisian ini membolehkan pengkaji menghasilkan peta penyebaran dialek yang lebih kemas dan sistematik. Kajian yang dijalankan

oleh Siti Noraini Hamzah dan Nor Hashiman Jalaluddin (2018) ini meneliti kepelbagaian dialek yang ada di negeri Perak berdasarkan tiga data leksikal iaitu, 'air', 'bantal', dan 'saya'. Sebanyak 102 kampung di negeri Perak dipilih sebagai kawasan kajian. Dapatan daripada kajian ini menunjukkan terdapat kepelbagaian varian dalam kalangan penutur dialek Perak yang wujud disebabkan dua peringkat umur iaitu generasi tua dan generasi muda.

Selain itu, kajian melibatkan kawasan Hulu Perak telah pun dijalankan oleh pengkaji-pengkaji lain. Nur Habibah C.H dan Rahim Aman (2020), telah menjalankan kajian dialek melibatkan kawasan Gerik dan Pengkalan Hulu di Hulu Perak. Kajian yang dijalankan oleh pengkaji-pengkaji ini memfokuskan untuk menilai sistem fonologi yang ada dalam varian di Gerik dan Pengkalan Hulu sebagai bahan kajian. Sebanyak sembilan buah kampung dipilih sebagai kawasan kajian dengan tujuan menganalisis ciri fonetik dan fonologi kawasan tersebut. Hasil kajian ini mendapati dialek Hulu Perak Utara mempunyai persamaan yang ketara dengan dialek Ulu Terengganu.

Di samping itu, fokus utama kajian ini adalah untuk merekonstruksi varian purba. Pelbagai kajian telah dirujuk oleh pengkaji perihal rekonstruksi varian. Antara pengkaji yang memfokuskan kajian rekonstruksi ini ialah Mohd Tarmizi Hasrah, Rahim Aman dan Shahidi A. H (2011). Mohd Tarmizi Hasrah et al. (2011) telah merekonstruksi Dialek Hulu Pahang Purba berdasarkan lima buah varian yang terdapat di Hulu Pahang iaitu varian Serau, Beralas, Kuala Kenong, Tanjung Bungor dan Benta. Kajian ini menggunakan kaedah perbandingan kualitatif melalui pembinaan perangkat kesepadanan bunyi. Hasil kajian menunjukkan berlakunya inovasi dalam konsonan dan vokal dialek yang dikaji.

Rahim Aman, Norfazilan Ab. Hamid dan Shahidi Abdul Hamid (2015) telah merekonstruksi vokal dan diftong bahasa Malanau Purba. Sebanyak tiga belas varian di Sarawak melibatkan varian Melanau menjadi fokus utama pengkaji-pengkaji ini. Kajian ini juga membuat perbandingan fonem dan diftong dengan bahasa Melayu Polinesia Purba. Seterusnya, Rahim Aman, Nazihah Najwa Othman, Shahidi A. H. Dan Ery Iswary (2017) juga telah menjalankan kajian rekonstruksi dalaman. Kajian oleh Rahim Aman et al. (2017) ini merekonstruksi Varian Banjar Beriah Purba berdasarkan tiga varian dialek Banjar iaitu Banjar Kuala, Banjar Hulu dan Banjar Alai. Kajian-kajian yang dijalankan oleh pengkaji-pengkaji ini juga telah menambahbaik kedudukan bahasa Melayik Purba sebagai bahasa utama varian-varian purba di Malaysia.

Dalam pada itu, Rahim Aman, Shahidi A. H, Rusydiah A. Salam et al. (2018) juga menjalankan kajian yang memfokuskan rekonstruksi dialek purba. Kajian yang dijalankan oleh Rahim Aman et al. (2018) ini memfokuskan dialek Jugra di Selangor yang diambang kepupusan. Sebanyak tiga varian Jugra yang wujud di negeri Selangor dipilih untuk diselidiki. Hasilnya, kajian ini mampu memberi sumbangan kepada pembinaan semula bahasa Melayu Purba. Kajian yang dijalankan oleh Ernawita Atan, Rahim Aman dan Shahidi A.H. (2021) sedikit berbeza kerana kajian yang dijalankan oleh pengkaji-pengkaji ini merekonstruksi vokal Varian Minangkabau Purba yang wujud di dua buah negara iaitu di Sumatera Indonesia dan Malaysia. Sebanyak enam belas varian Minangkabau di Sumatera Indonesia dan Malaysia telah diselidiki.

Akhir sekali, Rahim Aman, Shahidi A.H. dan Siti Hajar Mohammed (2021) telah merekonstruksi dalaman varian Miriek di Miri, Sarawak. Kajian ini dijalankan untuk mengelakkan kepupusan bahasa etnik Sarawak pupus disebabkan penghijrahan orang Miri yang menyebabkan peralihan bahasa. Sebanyak lima buah kawasan dipilih sebagai kawasan kajian untuk memudahkan kaedah rekonstruksi dalaman dijalankan. Hasil dapatan menunjukkan bahasa Miriek Purba diturunkan secara langsung dalam kelima-lima varian Miriek yang dikaji.

METODOLOGI

Bentuk penelitian yang digunakan dalam kajian ini merupakan metod kualitatif. Menurut Saryono (2010), Penelitian kualitatif adalah penelitian yang digunakan untuk menyelidiki, menemukan, menggambarkan, dan menjelaskan kualitas atau keistimewaan dari pengaruh sosial yang tidak dapat dijelaskan, diukur atau digambarkan melalui pendekatan kuantitatif. Menurut Creswell (2008) mendefinisikan metode penelitian kualitatif sebagai suatu pendekatan atau penelusuran untuk mengeksplorasi dan memahami suatu gejala sentral. Untuk mengerti gejala sentral tersebut, peneliti mewawancarai peserta penelitian atau partisipan dengan mengajukan pertanyaan yang umum dan agak luas. Informasi kemudian dikumpulkan yang berupa kata maupun teks. Kumpulan informasi tersebut kemudian dianalisis. Dari hasil analisis peneliti kemudian menjabarkan dengan penelitian-penelitian ilmuwan lain yang dibuat sebelumnya. Hasil akhir penelitian kualitatif dituangkan dalam bentuk laporan tertulis.

Menurut Ayatrohadi (1979), pengumpulan bahan yang mempergunakan kaedah lapangan mengenal dua cara, iaitu pencatatan langsung dan perakaman (pencatatan tidak langsung). Dalam kajian ini, kaedah pencatatan langsung dipilih untuk mendapat data, iaitu metode cakap dan metode semak. Selap itu, jawaban informan akan dicatat dalam daftar tanya yang disediakan. Teknik pengumpulan data memanfaatkan teknik temu bual, penganjuan gambar, pencatatan dan rakaman. Analisis data pula menggunakan pendekatan linguistik sejarah dan pemaparan data dibuat melalui aplikasi jadual, rajah dan istilah khas dalam bidang ini. Lokasi penelitian yang dipilih merupakan kawasan Lenggong, Perak. Dalam kawasan ini termasuklah empat kampung, iaitu Kampung Bukit Sapi, Kampung Temelong, Kampung Laut dan Kampung Batu Ring..

Informan penelitian ini dipilih dengan mengikut kriteria NORM. N merujuk kepada native speaker (penutur natif bahasa tersebut), O merujuk kepada old (informan yang berusia), R merujuk kepada rural area (kawasan pedalaman) dan M merujuk kepada male (informan lelaki). Tetapi juga mempunyai informan yang dipilih itu berlawanan dengan ciri NORM, iaitu NORF yang menggunakan informan wanita (Chambers & Trudgill, 1998). Jumlah informan yang dipilih adalah seramai empat informan, dan setiap informan mewakili satu varian.

Dalam kajian ini, jumlah 342 perkataan disediakan sebagai daftar tanya. Dengan itu, terdapat jumlah 681 perkataan sebagai data untuk analisis. Untuk mencapai tujuan rekonstruksi varian, pendekatan linguistik bandingan digunakan untuk analisis data tersebut. Selain itu, Bahasa Melayik Purba juga dipaparkan seiring dengan perkataan varian.

DATA DAN PERBINCANGAN

Menerusi perangkat kesepadanan melalui 200 kosa kata yang telah direkonstruksikan didapati BMP mempunyai sembilan fonem vokal iaitu *i, *e, *ε, *a, *ə, *u, *o, *ɔ, dan *ɑ yang terdiri daripada empat vokal depan, satu vokal tengah dan empat vokal belakang. Inventori fonem vokal BMP ini dapat dilihat dalam Jadual 1.

JADUAL 1. Inventori fonem vokal Varian Lenggong (VL)

	Depan	Tengah	Belakang
Tinggi	i		u
Separuh tinggi	e	ə	o
Separuh rendah	ε		ɔ
Rendah	a		ɑ

Vokal Depan

BMP memiliki vokal depan tinggi *i yang boleh hadir pada semua posisi kata iaitu awal kata, tengah kata, akhir kata terbuka dan akhir kata tertutup. Bagi posisi awal kata vokal depan tinggi *i hadir pada BMP *ikat 'ikat' adalah sama dengan KBR tetapi berbeza dengan KBS *i yang berubah menjadi [t] dan yang kedua *i kekal [i] dalam KT. Manakala, dalam KL menggunakan kedua-duanya iaitu [t] dan [i]. Seperti jadual yang disediakan di bawah (Jadual 2).

JADUAL 2. Persebaran fonem vokal depan tinggi VL *i

Vokal BMP	Persebaran posisi	Contoh BMP *i refleks dalam 4 varian
*i	Awal kata	BMP *ikat 'ikat' > KBS [tambat]; KT [ikaʔ]; KL [tambat/ikaʔ]; KBR [ikat]
	Tengah kata/antarvokal	BMP *langit 'lanjit' > KBS, KL, KBR [lanjet]; KT [lanjit]
	Akhir kata terbuka	BMP *mimpi 'mimpi/*impi' > KBS [mimpiʔ]; KT, KL [mipiʔ]; KBR [mimpi]
	Akhir kata tertutup	BMP *kaki 'kaki' > KBS, KT, KL [kakiʔ]; KBR [kaki]

Dalam BMP juga mempunyai vokal depan separuh tinggi *e hanya hadir pada posisi tengah kata sahaja dan berada di keempat-empat varian iaitu KBS, KT, KL dan KBR. Fenomena keberadaan vokal ini dapat dilihat dalam Jadual 3 di bawah.

JADUAL 3. Persebaran fonem vokal depan tinggi *e

Vokal BMP	Persebaran posisi	Contoh BMP *e refleks dalam 4 varian
*e	Awal kata	-
	Tengah kata/antarvokal	BMP *mb)A-t@naŋ 'berenang' > KBS [bəʔənaŋ]; KT [bəʔənaŋ]; KL [bəʔənaŋ]; KBR [bəʔənaŋ]
	Akhir kata terbuka	-
	Akhir kata tertutup	-

VLP juga memiliki vokal depan separuh rendah *ɛ yang hadir pada posisi akhir kata. Vokal depan separuh rendah *ɛ hadir dalam suku kata akhir terbuka dan tertutup. Bagi akhir kata tertutup vokal VLP *ɛ hanya hadir dalam varian KT dan KL Contoh yang menunjukkan kehadiran VLP *ɛ dalam varian KBS, KT, KL dan KBR ditunjukkan dalam Jadual 4 berikut.

JADUAL 4. Persebaran fonem vokal depan separuh rendah *ɛ

Vokal VLP	Persebaran posisi	Contoh VLP refleks dalam 4 VL
*ɛ	Awal kata	-
	Tengah kata/antarvokal	-
	Akhir kata terbuka	VLP *lehe ‘leher’ > KBS [lehe]; KT [lehe]; KL [lehe]; KBR [lehe]
	Akhir kata tertutup	VLP *pende? ‘pendek’ > KT [pende?]; KL [pende?]

Bunyi vokal /a/ dapat hadir pada semua posisi kata, iaitu posisi awal kata, tengah kata, akhir kata terbuka dan akhir kata tertutup. Berdasarkan pada contoh dalam Jadual 5, didapati vokal depan rendah /a/ hadir pada semua posisi kata, iaitu posisi awal kata, tengah kata, akhir kata terbuka dan akhir kata tertutup. Manakala, vokal /a/ yang terdapat di posisi akhir terbuka itu terubah dalam varian KT dan KB menjadi vokal /ɔ/ dan /ə/.

JADUAL 5. Persebaran fonem vokal depan rendah *a

Vokal VLP	Persebaran posisi	Contoh BMP *a refleks dalam 4 varian
*a	Awal kata	BMP *air ‘air’ > KBS [ajɔ]; KT [ae]; KL[ae]; KB[ajɔ]
	Tengah kata/antarvokal	BMP *jarum ‘jarum’ > KBS [dʒayum]; KT [dʒayum]; KL[dʒayum]; KB[dʒayum]
	Akhir kata terbuka	BMP *mata ‘mata’ > KBS [mata]; KT [matɔ]; KL[mata]; KB[matə]
	Akhir kata tertutup	BMP *darah ‘darah’ > KBS [dayah]; KT [dayah]; KL[dayah]; KB[dayah]

Vokal Tengah

Vokal VLP *ə hanya hadir pada tengah kata dan akhir kata tertutup. Berdasarkan kesepadanan yang pada posisi ini dalam semua VL, maka fonem /ə/ boleh direkonstruksikan sebagai fonem purba VLP *ə. Contoh data yang diperoleh bagi perkataan *dəbu dituturkan sebagai [dəbu] dalam varian KBS, KL dan KBR kecuali bagi KT yang menyatakan [dəbu] sebagai [bəyabu?] Contoh lain yang menunjukkan kehadiran VLP *ə dalam varian KBS, KGT, KL dan KBR ditunjukkan dalam Jadual 6 di bawah.

JADUAL 6. Persebaran fonem vokal depan rendah *ə

Vokal VLP	Persebaran posisi	Contoh VLP *ə refleks dalam 4 varian
*ə	Awal kata	-
	Tengah kata/antarvokal	VLP *dəbu ‘debu’ > KBS [dəbu]; KT [bəyabu?]; KL [dəbu]; KBR [dəbu]
	Akhir kata terbuka	VLP * təlɪŋə ‘telinga’ > KBS [təlɪŋə]; KT [təlɪŋə]; KL [təlɪŋə]; KBR [təlɪŋə]
	Akhir kata tertutup	-

Vokal Belakang

Selain itu, BMP juga memiliki vokal belakang tinggi *u yang boleh hadir pada semua posisi kata iaitu awal, tengah, akhir kata terbuka dan akhir kata tertutup. Terdapat pada posisi *u kekal pada awal kata contoh perkataan [ular]. Manakala *u yang terdapat di posisi tengah kata berubah mengikut setiap varian yang berbeza. Sebagai contoh BMP *pukul ‘pukul/palu?’ *u di posisi tengah kata berubah menjadi [ɔ], [a] dalam KBS dan KT. Manakala dalam KBR berubah menjadi [ɔ], [ɔ̃]. Bagi posisi akhir kata tertutup juga mengalami proses fonologi iaitu *u berubah menjadi [ɔ] dalam keempat-empat varian seperti Jadual 7 dibawah.

JADUAL 7. Persebaran fonem vokal depan separuh tinggi *u

Vokal BMP	Persebaran posisi	Contoh BMP *u refleks dalam 4 varian
*u	Awal kata	BMP *ular ‘ulər’ > KBS, KT [ula]; KL [ula]; KBR [ulɔ]
	Tengah kata/antarvokal	BMP *pukul, palu? ‘pukul’ > KBS [pukɔl/gudan]; KT [pukɔ/guda]; KL [pukɔ/katɔ?]; KBR [katɔ?/tuŋkɔ̃h]
	Akhir kata terbuka	BMP *batu ‘batu’ > KBS,KT, KL, KBR [batu]
	Akhir kata tertutup	BMP *bunuh ‘bunuh’ > KBS [munɔh]; KT,KL,KBR [bunɔh]

Bunyi vokal /o/ hanya boleh wujud di posisi tengah kata, akhir kata terbuka dan akhir kata tertutup. Dalam jadual 8, didapati bahawa bunyi vokal belakang separuh tinggi /o/ hadir pada posisi tengah kata, akhir kata terbuka dan akhir kata tertutup. Sekali gus, bunyi tersebut tidak wujud pada posisi awal kata. Berdasarkan Jadual 2, menunjukkan ‘telur’ dipanggil [bətəlo] dan hadir pada semua varian. Kecualinya, bunyi /o/ di posisi akhir kata tertutup itu hadir dalam perkataan ‘nyamuk’, dan bunyi /o/ terhasil melalui proses penggantian vokal /u/ menjadi /o/.

JADUAL 8. Refleks VLP *o dalam 4 varian

Vokal VLP	Persebaran posisi	Contoh BMP *o refleks dalam 4 varian
*o	Tengah kata/antarvokal	BMP *kamah/kumah ‘kotor’ > KBS [kotɔ]; KT [kotɔ]; KL[kotɔ]; KBR [kotɔ]
	Akhir kata terbuka	BMP *təlur ‘telur’ > KBS [bətəlo]; KT [bətəlo]; KL [bətəlo]; KBR [bətəlo]
	Akhir kata tertutup	BMP *amuk ‘nyamuk’ > KBS [ɲamo?]; KT [ɲamo?]; KL[ɲamo?]; KB[ɲamo?]

Vokal belakang separuh rendah *ɔ hanya hadir pada tengah kata dan akhir kata dalam VLP. Bagi posisi akhir kata, vokal belakang tinggi *ɔ hadir dalam kata yang bersuku kata akhir terbuka dan tertutup. Posisi VLP *ɔ pada kedudukannya memperlihatkan kesepadanan yang konsisten. Contoh yang menunjukkan kehadiran VLP *ɔ dalam varian KBS, KGT, KL dan KBR ditunjukkan dalam Jadual 9 di bawah.

JADUAL 9. Refleks VLP *ɔ dalam 4 varian

Vokal BMP	Persebaran posisi	Contoh BMP *ɔ refleks dalam 4 varian
*ɔ	Awal kata	-
	Tengah kata/antarvokal	VLP *pɔtɔ 'potong' > KBS [pɔtɔŋ]; KT [pɔtɔ]; KL [pɔtɔ]; KGBR [putɔŋ]
	Akhir kata terbuka	VLP *kotɔ 'kotor' > KBS [kotɔ]; KT [kotɔ]; KL [kotɔ]; KBR[kotɔ]
	Akhir kata tertutup	BMP *ɣumɔh 'rumah' > KBS [umɔh]; KT [ɣumɔh]; KL [ɣumɔh]; KBR [ɣumɔh]

Selain itu, bunyi vokal /a/ terdapat di posisi akhir kata sahaja, termasuknya posisi akhir kata terbuka dan akhir kata tertutup. bunyi vokal belakang rendah /a/ hanya wujud di posisi akhir kata, termasuk akhir kata tertutup dan akhir kata terbuka. Mengikut jadual 3, bunyi /a/ di posisi akhir kata terbuka hanya wujud dalam varian KL dan KB, bunyi /a/ di posisi akhir kata tertutup hanya wujud dalam varian KL.

JADUAL 10. Refleks VLP *a dalam 4 varian

Vokal VLP	Persebaran posisi	Contoh BMP *a refleks dalam 4 varian
*a	Akhir kata terbuka	BMP *bu a() 'bunga' > KBS [buŋa]; KT [buŋa]; KL[buŋa]; KB[buŋə]
	Akhir kata tertutup	BMP *b lah 'belah' > KBS [bəlah]; KT [bəlah]; KL[bəlah]; KB[bələh]

Konsonan

Berdasarkan rekonstruksi dan klasifikasi, BMP mempunyai 19 buah konsonan yang mencakupi bunyi konsonan plosif, nasal, frikatif, afrikat, lateral dan separuh vokal. Jadual 11 di bawah menunjukkan inventori konsonan VL.

JADUAL 11. Inventori konsonan VL

	Bilabial	Alveolar	Velar	Palatal	Glotal
Plosif	*b *p	*d *t	*g *k		*ʔ
Nasal	*m	*n	*ŋ	*ɲ	
Frikatif		*s	*ɣ		*h
Afrikat				*dʒ *tʃ	
Lateral				*l	
Separuh vokal	*w		*j		

Konsonan Bilabial

Dalam kajian ini bunyi konsonan bilabial yang terlibat merupakan bunyi plosif bersuara /b/, bunyi plosif tak bersuara /p/, bunyi nasal bersuara /m/, dan bunyi separuh vokal /w/. Dalam bunyi tersebut, bunyi /p/ dan /m/ boleh hadir pada semua posisi, iaitu posisi awal kata, tengah kata dan akhir kata. Selain itu, bunyi /b/ boleh hadir pada posisi awal kata dan tengah kata,

bunyi /w/ hanya dapat wujud pada posisi tengah kata. Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 12, 13, 14, 15. Melalui Jadual 12 dan Jadual 13, terlihat bahawa bunyi /b/ dan bunyi /m/ hadir pada posisi awal kata dan akhir kata, sertanya wujud dalam semua varian.

JADUAL 12. Refleks VLP *b dalam 4 varian

Konsonan VLP	Persebaran posisi	Contoh BMP *b refleks dalam 4 varian
*b	Awal kata	BMP *bulu ‘bulu’ > KBS [bulu]; KT [bulu]; KL[bulu]; KB[bulu]
	Tengah kata	BMP *buØ(u)k,rambut ‘rambut’ > KBS [ɣambɔʔ]; KT [ɣambɔʔ]; KL[ɣambɔʔ]; KB[ɣambɔʔ]

JADUAL 13. Refleks VLP *m dalam 4 varian

Konsonan VLP	Persebaran posisi	Contoh BMP *m refleks dalam 4 varian
*m	Awal kata	BMP *mulut ‘mulut’ > KBS [mulɔʔ]; KT [mulɔʔ]; KL[mulɔʔ]; KB[mulɔʔ]
	Tengah kata	BMP *lem k ‘lemak’ > KBS [lɛmaʔ]; KT [lɛmaʔ]; KL[lɛmaʔ]; KBR [lɛmaʔ]
	Akhir kata	BMP *inum ‘minum’ > KBS[minum]; KT [minum]; KL[minum]; KB[miɲəm]

Berdasarkan contoh dalam Jadual 14, bunyi /p/ boleh wujud pada semua posisi. Di posisi awal kata dan tengah kata, bunyi /p/ hadir pada semua varian. Tetapi bunyi /p/ di posisi akhir kata itu hanya hadir pada varian KT, KL dan KB, tidak hadir pada varian KBS

JADUAL 14. Refleks VLP *p dalam 4 varian

Konsonan VLP	Persebaran posisi	Contoh BMP *p refleks dalam 4 varian
*p	Awal kata	BMP *putih ‘putih’ > KBS [puteh]; KT [puteh]; KL[puteh]; KBR [puteh]
	Tengah kata	BMP *rumput ‘rumput’ > KBS [ɣumpot]; KT [ɣumpot]; KL[ɣumpuʔ]; KBR [ɣumpot]
	Akhir kata	BMP *asəp ‘asap’ > KT [asap]; KL[asap]; KB[asap]

Berbeza dengan bunyi bilabial yang lain, bunyi /w/ hanya hadir pada posisi tengah kata, tidak hadir pada posisi awal kata dan akhir kata. Contoh bagi bunyi /w/ boleh dilihat dalam Jadual 15 di bawah.

JADUAL 15. Refleks VLP *w dalam 4 varian

Konsonan VLP	Persebaran posisi	Contoh BMP *w refleks dalam 4 varian
*w	Tengah kata	BMP *a(bw)an ‘awan’ > KBS [awe]; KT [awan]; KL [awan]; KBR [awan]

Konsonan Alveolar

Konsonan plosif alveolar bersuara *d hanya hadir pada posisi awal kata dan tengah kata sahaja. Bagi awal kata BMP *dengar ‘dəŋer’ adalah sama dengan ketiga-tiga varian iaitu KT, KL dan KBR tetapi berbeza pula dengan varian KBS yang berubah menjadi [m] di awal kata (lihat Jadual 16).

JADUAL 16. Refleks VLP *d dalam 4 varian

Konsonan BMP	Persebaran posisi	Contoh BMP *d refleks dalam 4 varian
*d	Awal kata	BMP *dengar ‘dəŋer’ > KBS [məndəŋa]; KT, KBR [dəŋə]; KL [dəŋɑ]
	Tengah kata/antarvokal	BMP *hiduŋ ‘hiduŋ’ > KBS, KT, KL [hiduŋ]; KBR [hidəŋ]
	Akhir kata	-

Konsonan plosif alveolar tak bersuara *t hadir pada semua posisi iaitu awal kata, tengah kata dan akhir kata. Berdasarkan kesepadanan konsonan tersebut maka, *t telah direkonstruksikan dalam BMP. Konsonan ini telah direfleksi daripada semua posisi kata dalam BMP *t yang merupakan warisan langsung MP *t. Jadual 17 di bawah menunjukkan contoh refleks BMP *t.

JADUAL 17. Refleks VLP *t dalam 4 varian

Konsonan BMP	Persebaran posisi	Contoh BMP *t refleks dalam 4 varian
*t	Awal kata	BMP *takut ‘takut’ > KBS, KT [takuʔ]; KL [takəʔ]; KBR [takəʔ]
	Tengah kata/antarvokal	BMP *bintaŋ ‘bintaŋ’ > KBS, KL [bitaŋ]; KT, KBR [bintaŋ]
	Akhir kata	BMP *laŋit > KBS, KL, KBR [laŋit]; KT [laŋit]

Selain itu, konsonan nasal alveolar bersuara *n pula dilihat hadir pada ketiga-tiga posisi iaitu awal kata, antarvokal dan akhir kata. Keberadaan konsonan ini pada posisi awal antarvokal dan akhir kata memperlihatkan kesepadanan yang teratur. Maka, disebabkan penyebarannya yang sedemikian telah menjadi bukti yang kukuh untuk membolehkan rekonstruksi konsonan dalam BMP *n hadir pada semua posisi kata. Hasil daripada rekonstruksi ini telah menunjukkan BMP *n merupakan refleks secara langsung daripada konsonan bahasa Purba yang lebih tinggi tahapnya iaitu Melayik Purba. Berikut merupakan Jadual 18 yang menunjukkan beberapa contoh dalam keempat-empat varian iaitu KBS, KT, KL dan KBR.

JADUAL 18. Refleks VLP *n dalam 4 varian

Konsonan BMP	Persebaran posisi	Contoh BMP *n refleks dalam 4 varian
*n	Awal kata	BMP *nama ‘nama’ > KBS [namə]; KT[namɑ]; KL [namɑ]; KBR [namə]
	Tengah kata/antarvokal	BMP *tanaŋ ‘tanaŋ’ > KBS [tanaŋ]; KT [tanaŋ]; KL [tanaŋ]; KBR [tanaŋ]

Akhir kata	BMP *bulan ‘bulan’ > KBS [bulan]; KT [bulan]; KL [bulan]; KBR [bulan]
------------	--

Konsonan frikatif alveolar tak bersuara *s hadir pada awal kata dan tengah kata sahaja, Keberadaan konsonan ini pada posisi awal kata dan tengah kata memperlihatkan kesepadanan yang teratur. Disebabkan penyebaran yang sedemikian maka terbukti membolehkan berlakunya rekonstruksi konsonan *s dalam BMP. Berikut adalah beberapa contoh yang menunjukkan kehadiran BMP *s dalam varian Kampung Bukit Sapi (KBS), Kampung Temelong (KT), Kampung Luat (KL), dan Kampung Batu Reng (KBR) seperti Jadual 19 di bawah

JADUAL 19. Refleks VLP *s dalam 4 varian

Konsonan BMP	Persebaran posisi	Contoh BMP *s refleks dalam 4 varian
*s	Awal kata	BMP *səmilan ‘sembilan’ > KBS [səmilan]; KT [səmilan]; KL [səmbilan]; KBR [səmbilan]
	Tengah kata/antarvokal	BMP *pasir ‘pasir’ > KBS [pasɛ]; KT [pasɛi]; KL [pasɛ]; KBR [pasɛ]
	Akhir kata	-

Konsonan Velar

Konsonan plosif velar bersuara *g hadir pada kedudukan awal kata dan tengah kata. Konsonan *g tidak direkonstruksi pada kedudukan akhir kata kerana konsonan *g tidak boleh berada pada kedudukan tersebut. Kehadiran konsonan VLP *g pada dua posisi tersebut menunjukkan kesepadanan yang ketara dalam keempat-empat VL. Oleh itu, rekonstruksi konsonan VLP *g boleh dilakukan pada posisi kata tersebut. Contoh VLP *g dalam varian KBS, KT, KL dan KBR ditunjukkan dalam Jadual 20 di bawah.

JADUAL 20. Refleks VLP *g dalam 4 varian

Konsonan VLP	Persebaran posisi	Contoh VLP *g releks dalam 4 VL
*g	Awal kata	VLP *gayu ‘garuk’ > KBS [gayu]; KT [gayu], KL [gayu]; KBR [gayu]
	Tengah kata	VLP *pəgaŋ ‘pegang’ > KBS [pəgaŋ]; KT [pəga]; KL [pəgaŋ]; KBR [pəgaŋ]
	Akhir kata	-

Konsonan plosif velar bersuara *k hanya boleh hadir pada awal kata, dan tengah kata. Namun, pada akhir kata wujud glotis [ʔ] yang hanya berstatus alofon pada VLP *k. Contoh VLP *k dalam varian KBS, KT, KL dan KBR ditunjukkan dalam Jadual 21 di bawah.

JADUAL 21. Refleks VLP *k dalam 4 varian

Konsonan VLP	Persebaran posisi	Contoh VLP *k refleks dalam 4 varian
*k	Awal kata	VLP *kabɔʔ ‘kabut’ > KBS [kabɔʔ]; KT [kabɔʔ]; KL [kabɔh]; KBR [kabɔʔ]

Tengah kata	VLP *taku? ‘takut’ > KBS [taku?]; KT [taku?]; KL [takɔ?]; KBR [takə?]
Akhir kata	VLP *kuli? ‘kulit’ > KBS [kuli?]; KT [kuli?]; KL [kuli?]; KBR [kuli?]

Konsonan nasal velar bersuara, *ŋ hanya hadir pada posisi tengah kata dan akhir kata. Kehadiran konsonan *ŋ dalam VL pada posisi tengah kata dan akhir kata menunjukkan kesepadanan yang teratur. Oleh itu, konsonan VLP *ŋ boleh direkonstruksi pada dua posisi iaitu tengah kata dan akhir kata. Contoh VLP *ŋ dalam varian KBS, KT, KL dan KBR ditunjukkan dalam Jadual 22 di bawah.

JADUAL 22. Refleks VLP *ŋ dalam 4 varian

Konsonan VLP	Persebaran posisi	Contoh BMP *ŋ refleks dalam 4 VL
*ŋ	Awal kata	-
	Tengah kata	VLP *təliŋə ‘telinga’ > KBS [təliŋə]; KT [təliŋə]; KL [təliŋə]; KBR [təliŋə]
	Akhir kata	VLP *bəŋəŋə ‘berenang’ > KBS [bəŋəŋə]; KT [bəŋəŋə]; KL [bəŋəŋə]; KBR [bəŋəŋə]

Konsonan frikatif velar bersuara *ɣ hadir pada posisi awal kata dan tengah kata. Kehadiran konsonan ini pada kedudukan awal kata dan akhir kata menunjukkan kesepadanan yang teratur dalam kesemua VL. Hal ini membolehkan rekonstruksi VLP *ɣ dilakukan pada posisi awal kata dan tengah kata. Contoh yang menunjukkan kehadiran VLP *ɣ dalam empat VL ditunjukkan dalam Jadual 23 di bawah.

JADUAL 23. Refleks VLP *ɣ dalam VL

Konsonan BMP	Persebaran posisi	Contoh VLP *ɣ refleks dalam 4 VL
*ɣ	Awal kata	VLP *ɣambu? ‘rambut’ > KBS [ɣambu?]; KT [ɣambu?]; KL [ɣambu?]; KBR [ɣambu?]
	Tengah kata	VLP *dayah ‘darah’ > KGBS [dayah]; KGT [dayah]; KGL [dayah]; KGBR [dayah]
	Akhir kata	-

Konsonan separuh vokal velar bersuara *j hanya hadir pada posisi tengah kata atau antarvokal sahaja. Contoh dalam jadual di bawah menunjuk kesepadanan dalam tiga varian bagi VLP *təyija? iaitu dalam varian KT, KL dan KBR tetapi berubah pada fonem *j tidak hadir dalam varian KBS (lihat Jadual 24).

JADUAL 24. Refleks VLP *j dalam VL

Konsonan VLP	Persebaran posisi	Contoh BMP *j releks dalam 4 VL
*j	Awal kata	-
	Tengah kata	VLP *təyija? ‘menangis’ > KBS [mənəjis]; KGT [təyija?]; KGL [təyija?]; KGBR [təyija?]
	Akhir kata	-

Konsonan Palatal

Konsonan nasal palatal bersuara, *ɲ hanya hadir pada posisi awal kata dan tengah kata. Berdasarkan kesepadanan yang teratur dalam semua VL pada posisi awal kata dan tengah kata, konsonan *ɲ boleh direkonstruksi pada kedua-dua posisi. Pada posisi tengah kata, konsonan nasal palatal wujud dalam varian KT, KL dan KBR tetapi tidak wujud dalam varian KBS. Contoh VLP *ɲ dalam varian KBS, KT, KL dan KBR ditunjukkan dalam Jadual 25 di bawah.

JADUAL 25. Refleks VLP *ɲ dalam 4 VL

Konsonan VLP	Persebaran posisi	Contoh BMP *ɲ releks dalam 4 VL
*ɲ	Awal kata	VLP *ɲamoʔ ‘nyamuk’ > KBS [ɲamoʔ]; KT [ɲamoʔ]; KGL [ɲamoʔ]; KBR [ɲamoʔ]
	Tengah kata	VLP *səmuɲi ‘sembunyi’ > KT [səbuɲi]; KL [səmuɲi]; KBR [səmuɲi]
	Akhir kata	-

Konsonan afrikat palatal /dʒ/ dan /tʃ/ juga terdapat dalam 4 VL, tetapi hanya wujud pada posisi awal kata dan tengah kata, macam ditunjukkan di Jadual 25, 26. Terdapat bahawa bunyi /dʒ/ dan /tʃ/ hadir pada posisi awal kata dan tengah kata, dan kedua-duanya hadir dalam semua varian (lihat Jadual 26 dan Jadual 27).

JADUAL 26. Refleks VLP *dʒ dalam 4 VL

Konsonan VLP	Persebaran posisi	Contoh BMP *dʒ releks dalam 4 varian
*dʒ	Awal kata	BMP *jarum ‘jarum’ > KBS [dʒayum]; KT [dʒayum]; KL[dʒayum]; KB[dʒayum]
	Tengah kata	BMP *tajam ‘tajam’ > KBS [tadʒaŋ]; KT [tadʒa]; KL[tadʒam]; KB[tadʒam]

JADUAL 27. Refleks VLP *tʃ dalam 4 VL

Konsonan VLP	Persebaran posisi	Contoh BMP *tʃ releks dalam 4 varian
*tʃ	Awal kata	BMP *malinʒ ‘curi’ > KBS [tʃuyi]; KT [tʃuyi]; KL[tʃuyi]; KB[tʃuyi]
	Tengah kata	BMP *ulat, *caci ‘cacing’ > KBS [tʃafɛn]; KT [tʃafɛi]; KL[tʃafɛn]; KB[tʃafɛ]

Konsonan lateral palatal bersuara *l pula hadir pada kedudukan awal kata dan tengah kata. Keberadaan konsonan ini pada posisi awal kata dan tengah kata menunjukkan kesepadanan yang konsisten. Hal ini membolehkan rekonstruksi konsonan VLP *l dilakukan. Contoh yang menunjukkan kehadiran VLP *l dalam 4 VL ditunjukkan dalam jadual di bawah.

JADUAL 28. Refleks VLP *l dalam 4 VL

Konsonan VLP	Persebaran posisi	Contoh BMP *l releks dalam 4 VL
--------------	-------------------	---------------------------------

	Awal kata	VLP *lidoh ‘lidah’ > KGBS [lidah]; KGT [lidoh]; KGL [lidah]; KGBR [lidah]
*l	Tengah kata	VLP *muloh? ‘mulut’ > KGBS [muloh?]; KGT [muloh?]; KGL [muloh?]; KGBR [muloh?]
	Akhir kata	-

Glotal

Seterusnya, konsonan glotal tak bersuara *h hanya hadir pada tiga-tiga posisi iaitu awal kata, tengah kata dan akhir kata. Kedudukan konsonan *h ini pada kesemua posisi tersebut memperlihatkan kesepadanan yang teratur dalam kesemua varian. Maka, disebabkan penyebarannya yang sedemikian telah pun menjadi bukti yang sangat kukuh untuk membolehkan rekonstruksi konsonan *h dalam BMP yang ada pada kesemua posisi kata. Hasil daripada rekonstruksi ini telah menunjukkan BMP *h yang merupakan refleks secara langsung daripada konsonan bahasa purba yang lebih tinggi tahapnya dalam Melayik Purba (MP) *h. Berdasarkan contoh dalam jadual dibawah *h di awal kata bagi BMP *hiduh adalah sama dengan kesemua varian yang menggunakan konsonan *h di awal kata (lihat Jadual 29).

JADUAL 29. Refleks VLP *h dalam 4 varian

Konsonan BMP	Persebaran posisi	Contoh BMP *h refleks dalam 4 varian
*h	Awal kata	BMP *hiduh ‘hidung’ > KBS [*hiduh]; KT [*hiduh]; KL [*hiduh]; KBR [hiduh]
	Tengah kata/antarvokal	BMP *lihoh > KBS [lehe]; KT [lehe]; KL [lehe]; KBR [lehe]
	Akhir kata	BMP * b lah ‘belah’ > KBS [bolah]; KT [bolah]; KL [bolah]; KBR [bolah]

KESIMPULAN

Makalah ini telah membincangkan mengenai rekonstruksi VLP berdasarkan empat buah varian, termasuk Kampung Bukit Sapi, Kampung Temelong, Kampung Laut dan Kampung Batu Ring. Tujuan makalah ini adalah untuk mencari bentuk purba carian Lenggong. Keempat-empat buah varian dalam kajian ini dibandingkan dengan Bahasa Melayik Purba. Sama ada bunyi yang direfleksikan oleh BMP secara langsung, atau secara tidak langsung. Rekonstruksi yang dilakukan menghasilkan inventori fonem vokal dan konsonan. Berdasarkan huraian yang telah dibuat, VLP memiliki sembilan buah fonem vokal, iaitu *i, *u, *e, *ə, *o, *ɛ, *ɔ, *a dan *ɑ dan memiliki 19 buah konsonan yang merangkumi konsonan *b, *d, *g, *p, *t, *k, *ʔ, *m, *n, *ŋ, *ɲ, *ʎ, *s, *h, *dʒ, *ʃ, *l, *w, dan *j.

RUJUKAN

- Asmah Haji Omar. 1993. *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ayatrohardi. 1979. *Dialektologi: Sebuah Pengantar*. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa.
- Ernawati Atan, Rahim Aman, Shahidi A.H. 2021. Rekonstruksi vokal bahasa Minangkabau: Pengintegrasian merentasi geopolitik. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space*, 17 (2), 389-401.

- Harishon Radzi, Zaharani Ahmad & Nor Hashimah Jalaluddin. 2015. *Pelestarian Kaedah Lapangan: Penerapan terhadap Kajian Geodialek*. *Jurnal Linguistik*, 19(1), 58-77.
- Mario, A. P & Gaynor, F. 1960. *A dictionary of Linguistik*. New Jersey: Adam & co.
- Mohd. Tarmizi Hasrah. 2022. *Hulu Tembeling Sebagai Pusat Difusi Dialek Di Lembangan Sungai Pahang*. *Jurnal Melayu*, 21(2), 133-148.
- Mohd Tarmizi Hasrah, Rahim Aman & Shahidi A. H. 2011. *Rekonstruksi Dalaman Dialek Hulu Pahang Purba (DHPP)*. *Jurnal Linguistik*, 14 (2), 89-97.
- Norhaniza Abdul Khairi, Shahidi A. H. & Rahim Aman. 2021. *Realisasi Kontras Penyuaran Bunyi Plosif Awal Kata Dialek Melayu Patani Lenggong*. *Jurnal Melayu*, 20(1), 126-141.
- Nor Hashimah Jalaluddin. 2015. *Penyebaran Dialek Patani Di Perak: Analisis Geolinguistik MELAYU: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 8 (2), 310-330.
- Nur Habibah C. H & Rahim Aman. 2020. *Varian Hulu Perak Utara: Fenomena di Gerik dan Pengkalan Hulu*. *Jurnal Melayu*, 19(2), 202-213.
- Rahim Aman, Norfazila Ab. Hamid & Shahidi Abdul Hamid. 2015. *Rekonstruksi Vokal dan Diftong Bahasa Melanau Purba*. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 15(1), 89-98.
- Rahim Aman, Shahidi A.H., Rusydiah A. Salam, Fatin Hakimah M. Fadzil & Suhailah Ruslan. 2018. *Reconstruction of the Ancient Jugra Dialect*. *Jurnal Melayu*, 17(2) 123-133.
- Rahim Aman, Shahidi A.H., Siti Hajar Mohammed. 2021. *Rekonstruksi Dalaman Varian Miriek*. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 21(1), 145-155.
- Shahidi A.H., Nurul Huda Ariffin & Rahim Aman. 2021. *Dialek Perak Varian Kuala Kangsar: Satu Pemerian Fonetik Akustik*. *Jurnal Melayu, Isu Khas*, 602-634.
- Siti Noraini Hamzah & Nor Hashimah Jalaluddin. 2018. *Kepelbagaian Varian Leksikal Dialek di Perak: Pendekatan Geographical Information System*. *Akademika*, 88(1), 137-152.
- Siti Noraini Hamzah, Nor Hashimah Jalaluddin & Zaharani Ahmad. 2014. *Variasi Dialek Melayu di Perak Utara: Analisis Geolinguistik*. *Jurnal Linguistik*, 18 (2), 30-46.

PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan hasil daripada projek penyelidikan berkod GGP-2020-001 hasil daripada dana Universiti Kebangsaan Malaysia. Penulis mengucapkan berbilang terima kasih kepada Universiti Kebangsaan Malaysia di atas penganugerahan dana ini.

Biodata Penulis:

Rahim Aman (PhD) ialah Profesor di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah Linguistik Sejarah dan Dialektologi.

Shahidi A.H. (PhD) merupakan Profesor Madya di Profesor di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah Dialektologi Melayu, Fonetik Akustik dan Pembelajaran Bahasa Kedua.

Muhammad Muhaimin Mohd, Nurul Athirah Jaffar & Yang Li ialah pelajar sarjana Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang penyelidikan mereka ialah Linguistik Melayu.